

TARIKH	1 / 6 / 2016	SEKSYEN	Global
MUKA SURAT	59	RUANGAN	

## Pesawat pantau keselamatan jemaah

**Pemantauan dilakukan 24 jam sehari sepanjang Ramadan**

Agensi  
Makkah

**P**ihak berkuasa Arab Saudi akan menggu-  
nakan pesawat untuk memantau pergerakan trafik dan mengawasi keselamatan jemaah di bandar raya ini dan Madinah sepanjang Ramadan yang akan bermula Selasa depan.

Ketua Keselamatan Penerbangan, Mejar Jeneral Muhammad bin Eid Al-Harbi berkata, pemantauan dari udara itu akan dilakukan secara berterusan 24



GAMBAR hiasan, suasana di dalam Masjidil Haram.

jam setiap hari.

Menurutnya, untuk tujuan berkenaan, pasukan itu sudah mendapat pesawat tambahan sementara sokongan tenaga kerja dan teknikal sudah mencukupi.

"Ini sebahagian lagi rancangan Kementerian Dalam Negeri untuk menyediakan keselamatan kepada tetamu Allah bagi membolehkan mereka memberi tumpuan kepada ibadah sepanjang bulan suci ini.

"Kami akan memberi khidmat sepanjang 24 jam setiap hari," kata Muhammad.

Kedua-dua bandar suci itu dijangka sesak dengan jemaah umrah sepanjang Ramadan ini.

Dalam pada itu, Majlis Menteri Arab Saudi semalam mengumumkan, negara itu sudah bersiap sedia sepenuhnya untuk menyambut ketibaan jutaan jemaah.